

JKM agih 28,097 bakul makanan PERMAI di Pahang

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Jun 20, 2021 @ 9:35am

bhnews@bh.com.my



Kakitangan JKM Pahang menguruskan bantuan bakul makanan Permai di Rompin. - NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang mengagihkan sebanyak 28,097 bantuan bakul makanan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) kepada ketua isi rumah (KIR) yang layak, berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Pengarah JKM Pahang, Zulkhairi Zainol Abidin, berkata program agihan secara berperingkat bermula April lalu dan hanya akan selesai sepenuhnya akhir bulan ini.

Katanya, program bakul makanan PERMAI bernilai RM100 setiap satu itu hanya diberikan kepada individu yang layak sahaja dan kebanyakannya diberikan kepada penerima bantuan bulanan JKM seluruh negeri ini.

Katanya, pegawai JKM di peringkat daerah bertanggungjawab sepenuhnya mengagihkan bantuan berkenaan yang terdiri daripada barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, tepung, sardin, mihun dan gula.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Kerajaan prihatin kebajikan OKU terjejas akibat PKP
- COVID-19 : 1.25 juta isi rumah dapat manfaat bantuan makanan
- JKM tak simpan bantuan banjir
- Agihan bakul makanan tidak terhad

"Daerah ini menjadi penerima terbanyak program bakul makanan PERMAI iaitu sebanyak 6,388 diikuti Temerloh (3,759), Pekan (3,662), Lipis (2,300), Bentong (2,114), Bera (2,002), Rompin (1,972) dan Jerantut (1,937).

"Daerah Raub menerima sebanyak 1,567 di ikuti Maran (1,565) dan Cameron Highlands (576)," katanya dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata, bantuan yang diberikan diharapkan dapat meringankan beban golongan kurang berkemampuan meneruskan kehidupan sepanjang PKP 3.0 yang akan berakhir pada 28 Jun akan datang.

Zulkhairi berkata, tidak dinafikan golongan penerima bantuan bulanan JKM terkesan dengan pelaksanaan PKP 3.0 yang bertujuan untuk menyekat penularan wabak COVID-19 di negara ini, tindakan kerajaan itu demi menjamin kesejahteraan dan kesihatan rakyat.

"Saya berharap masyarakat dapat terus bersabar, sebaliknya tidak bertindak menyalahkan mana-mana pihak, patuhilah prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan pihak berkuasa bagi mengelak dikenakan tindakan undang-undang.

"Saya yakin kerajaan akan terus berusaha membela nasib rakyat bagi memastikan mereka tidak terus tertekan," katanya.